

MAJLIS MUHIBBAH SPE



Bertempat di perkarangan SPE, kehadiran kira-kira 100 orang kakitangan akademik dan pentadbiran telah bersama-sama memeriahkan majlis muhibbah yang telah diadakan pada 10 December 2010. Pelbagai jualan enak disajikan oleh pihak pengaturan antaranya kambing panggang, serta BBQ makanan laut. Turut diadakan pertandingan bagi memilih pemenang bagi beberapa kategori anugerah oleh pihak pengaturan. Prof. Madya Dr. Janie

Liew telah dianugerahkan kakitangan akademik paling vogue manakala anugerah kakitangan akademik paling macho diraih oleh En. Arif @ Kamisan Pusiran. Sementara Datu Razali Datu Eranza meraih anugerah kakitangan paling aktif sementara En. Ruby Salam Abdul Latip dianugerahkan kakitangan bukan akademik paling aktif. Semua anugerah telah disampaikan oleh Dekan SPE, Prof Madya Dr Hjh. Arsiah Bahron. Menurut Penolong Pendaftar Kanan,

Cik Norhanieyati Norhaizat, selaku wakil pengaturan bagi majlis tersebut, menyatakan bahawa objektif utama pengaturan program tersebut adalah bagi merapatkan silaturahim antara kakitangan akademik dan keluarga serta memberi penghargaan kepada kakitangan SPE. Yang jelas program tersebut telah berjaya menjadi medan beramah mesra dan melahirkan semangat kekeluargaan sesama warga SPE.

